

Headline	Johan CEO baru Tabung Haji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Jul 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	17	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	97 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,821
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,464



## Johan CEO baru Tabung Haji

**Kuala Lumpur:** Lembaga Tabung Haji, semalam mengumumkan pelantikan Datuk Johan Abdullah sebagai Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) berkuat kuasa hari ini.

Tabung Haji dalam kenyataannya berkata, Johan menggantikan Tan Sri Ismee Ismail yang menamatkan perkhidmatannya pada akhir Jun lalu selepas berkhidmat sedekad menganggotai lembaga pengaroh.

Johan memiliki Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Mo-



JOHAN

rehead State University dan ijazah dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Eastern Michigan University.

Sebelum menyertai Tabung Haji sebagai Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan dan CEO pada 15 Januari tahun lalu, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan CEO BIMB Holdings Bhd sejak Mei 2008.

Beliau pernah memegang jawatan kanan di Bursa Malaysia Bhd dan berpengalaman luas dalam kewangan korporat, pasaran modal dan kewangan Islam.